

MAYA2U manfaat 13,000 koperasi bawah ANGKASA

BH 14/11/2017 ms 54.

[FOTO MOHD KHAIRUL HELMY MOHD DIN/BH]



Tunku Mohamed Alauddin (dua dari kiri) dan Syed Fuad bertukar dokumen sambil diperhatikan Tunku Naquiyuddin (kanan) dan Abdul Fattah di Petaling Jaya, semalam.

Petaling Jaya: Lebih 13,000 koperasi yang bernaung di bawah Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd (ANGKASA) akan mendapat manfaat daripada pembangunan portal dagangan internet MAYA2U.

Portal yang dibangunkan dengan kerjasama Sterling Red Sdn Bhd dan OBOR Net Sdn Bhd, berperanan mengintegrasikan pasaran lebih 65 negara menerusi Satu Jalur Satu Laluan (OBOR) menggunakan platform ASEAN2U.

Presiden ANGKASA, Datuk Abdul Fattah Abdullah, berkata MAYA2U membolehkan lebih lapan juta ahli ANGKASA menyertai perniagaan e-dagang ASEAN2U-OBORNNet bagi membolehkan mereka menyertai pasaran negara OBOR.

Katanya, kerjasama itu adalah

pembangunan Business-to-Business-to-Commercial (B2B2C) yang pertama di negara ini, sekali gus akan mencipta ekosistem sehenti untuk memudahkan perdagangan merentasi sempadan dan pertumbuhan jualan domestik dan antarabangsa yang baik.

Perluas ke seluruh dunia

“Sasaran pertama ialah berurusniaga dengan China, sebelum di perluaskan ke Hong Kong dan Taiwan serta ke seluruh dunia,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Majlis Pelancaran MAYA2U dan memeterai memorandum persefahaman (MoU) Perniagaan Untuk Laluan Digital (OBOR), antara Sterling Red dan OBOR Net, di sini, semalam, yang disaksikan Pengerusi Obor

Net Sdn Bhd, Tunku Naquiyuddin Tuanku Jaafar dan Abdul Fatah.

Sterling Red diwakili Pengerusi Eksekutif Sterling Red Sdn Bhd, Syed Ahmad Fuad Al-Kharid, dan OBOR Net diwakili Naib Pengerusi Obor Net Sdn Bhd, Tunku Mohamed Alauddin Tunku Naquiyuddin.

Abdul Fattah berkata, kerjasama antara MAYA2U dan ASEAN2U akan memperkasakan ahli dalam menawarkan perkhidmatan lebih canggih menerusi kos yang lebih rendah.

“Bayangkan rangkaian ini dalam skala besar dan komprehensif bakal menjadi suntikan dan rangsangan kepada pembangunan pelbagai sektor dan industri, lantas menjana pertumbuhan lebih tinggi, kepada gerakan koperasi khususnya,” katanya.

Perpustakaan Koperasi
Malaysia